

## Ucapan Dukacita

Dalam keluaran bulan Oktober di dalam ruangan “Kopi Pahit” kita telah mengulas berkenaan dengan perkara perkahwinan Siput Sarawak, dan kita telah membidas Mahkamah Syariah dan tiga orang pegawainya. Semenjak itu kita telah dinyatakan perkara-perkara yang benar dan memuaskan bahawa apa yang tersebut itu adalah tidak berasas, tidak beralasan dan tidak benar.

Kita berpuas hati atas maksud Lembaga Majlis Penasihat Islam Singapura yang menghendaki supaya perkara Siput tidak tersiar dengan luasnya. Kita khilaf menyatakan bahawa Mahkamah Syariah telah melakukan kesalahan dalam perkara adakah Siput ada mempunyai ayah. Yang sebenarnya ia ada mempunyai ayah, iaitu Encik Dollah Sarawak tetapi ia enggan menjadi wali, oleh kerana itu Yang Dipertua Mahkamah Syariah menasihatkan Siput bahawa ia boleh kahwin dengan wali hakim apabila wali bapanya enggan, dan *Chief* Kadi telah bersedia mengahwinkan setelah mengadakan peperiksaan dalam masa dua minggu mengikut peraturan (3) 6 dalam Muslim Ordinans 1957.

Berkenaan dengan perkara mengenai Puan Seroja, kita telah pun membuat pembetulan dalam keluaran kita bulan November, dan meminta maaf kepadanya. Patut dinyatakan Puan Seroja tidak pernah hadir dalam mesyuarat Persatuan Pemuda Pemudi kampung Melayu dan tidak pernah membuat “ucapan” di situ seperti yang kita sebut dalam rencana kita itu.

Kita juga telah dinyatakan bahawa pada *paragraph* akhir dalam rencana kita adalah tidak benar. Yang sebenarnya bahawa Mahkamah Syariah tidak pernah memerintahkan sebarang kadi tidak boleh mengahwinkan seorang lelaki di bawah umur 18 tahun dan seorang perempuan di bawah umur 16 tahun

tahun. Sebaliknya Mahkamah Syariah memerintahkan kadi-kadi mengahwinkan perkahwinan sebarang perempuan di bawah umur 15 tahun sesudah mendapat kelepasan dari Yang Dipertua Mahkamah Syariah. Yang Dipertua akan membuat penyiasatan dan pertanyaan kepada gadis yang berkenaan, dan sekiranya ia berpuas hati ia layak untuk berkahwin, maka perkahwinan dibenarkan. Dalam bulan yang lalu, Yang Dipertua Mahkamah Syariah telah meluluskan perkahwinan dua orang perempuan di bawah umur 15 tahun.

Kita mengucapkan dukacita kita kepada Tuan Haji Muhammad Sanusi bin Mahmud, Tuan Haji Salih bin Muhammad Piah dan Tuan Haji Ismail bin Ibrahim. Ulasan yang kita buat ke atas mereka di dalam jawatannya sebagai Yang Dipertua, *Chief* Kadi dan kadi Mahkamah Syariah tidak berasas dan tidak berketanggungan. Kita sangat berdukacita atas tuan-tuan ini, yang mereka itu ada mempunyai kelulusan-kelulusan dan kebolehan-kebolehan yang dipegang mereka, telah bermurah hati memaafkan kita dan menerima pemaafan kita atas kesilapan dan atas rencana yang telah ditujukan kepada mereka.

## Buku-buku Pelajaran Agama

Panduan Wanita	80 Sen
Hukum Taharah dan Air	80 “
Hukum Bersuci	40 “
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.00
Mari Sembahyang (perempuan)	1.00
Pelajaran Sembahyang!	1.20
Pelajaran Sembahyang 2	1.20

Pesanlah kepada penerbitannya:

**Qalam, Singapur**